uum/DS49/um/14.09.2005/p: 27(1)

Pelajar UUM disaran tanam 'kapsul masa'

um 14/9/05 27:1

SINTOK 13 Sept – Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) disaran menanamkan 'kapsul masa' pada diri mereka bagi mencapai kejayaan setelah menamatkan pengajian di kampus itu.

Naib Canselornya, Datuk Dr. Nordin Kardi berkata, pelajar seharusnya memandang ke depan untuk mencipta kejayaan walaupun sukar atau mungkin dianggap hanya imaginasi sahaja.

Katanya, ramai tokoh negara yang mencipta 'kapsul masa' berjaya membawa negara ini sehingga disegani peringkat antarabangsa termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berjaya melahirkan industri automobil nasional ketika menerajui negara.

"Ketika itu, sesetengah pihak mendakwa ia adalah idea fantasi, namun kini semuanya terbukti berjaya bukan sahaja dapat mengeluarkan kereta nasional malah dapat melahirkan ramai pengusaha bumiputera dalam industri ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis membuka dan membaca amanat 'kapsul masa' yang ditanam bekas Naib Canselor UUM, Allahyarham Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Basri pada 31 Ogos 1999 di Kolej Proton kampus itu, malam tadi.

'Kapsul masa' yang dibuka setelah lima tahun ditanam itu mempunyai amanat allahyarham yang mengharapkan kolej ini terus cemerlang dan seiring dengan matlamat universiti untuk mencapai taraf dunia.

Amanat itu telah ditulis oleh Dr. Ahmad Fawzi ketika memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UUM.

Sementara itu Pengetua Kolej Proton, Raudah Danila ketika ditemui selepas majlis itu berkata, beliau akan meneruskan usaha kecemerlangan yang telah dijalankan oleh pengetua dan pentadbir di kolej ini seperti yang dihasratkan Allahyarham Ahmad Fawzi.

"Harapan saya bukan sahaja warga kolej kediaman ini akan menanamkan 'kapsul masa' malah akan diikuti oleh pelajar lain di kampus" katanya.

Majlis pembukaan 'kapsul masa' malam tadi didahului dengan iringan hulubalang, perarakan bunga mangga, paluan kompang serta deklamasi sajak dan persembahan koir.